

Submission date: 28 April 2021

Acceptance date: 5 Dec 2021

Publication date: 31 Dec 2021

## **MAQASID SYARIAH MENURUT IMAM AL-GHAZALI DAN APLIKASINYA DALAM PENYUSUNAN KOMPILASI HUKUM ISLAM DI INDONESIA**

*MAQASID SYARIAH ACCORDING TO IMAM AL-GHAZALI AND ITS APPLICATION IN THE  
COMPIRATION OF ISLAMIC LAW IN INDONESIA*

Khairil Anwar<sup>\*1</sup>, Mohd Soberi Awang<sup>2</sup>, Mualimin Mochammad Sahid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jurusan Syariah dan Ekonomi Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Bengkalis, <sup>2</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>\*</sup>(Corresponding author) e-mail: [khairilaljufri@gmail.com](mailto:khairilaljufri@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.33102/mjsr.vol9no2.315>

### **ABSTRACT**

Undoubtedly, Imam al-Ghazali is the founder of the Maqasid Sharia knowledge framework. This is marked by the work of Imam al-Ghazali in the 5th century entitled "*al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*" and "*al-Mankhul min Ta'liqat al-Usul*". Therefore, this study aims to determine the theory of Maqasid Sharia according to Imam Al Ghazali and its application in the Compilation of Islamic Law (KHI) in Indonesia. This study is based on a library research which is sourced directly from al-Ghazali's books; *al-Mustasfa* and *al-Mankhul*, as well as the Compilation of Islamic Law manuscript, particularly in marriage chapter. The results of this study indicate that the Maqasid Sharia concept has been applied in several cases in the marriage chapter, such as cases in marriage registration law of *taklik talak* and pregnancy marriage. The categories of Maqasid Sharia used in the enforcement of these laws are *Maqsad ad-Daruriyyah* namely *Hifz ad- Din* (protecting religion), *Hifz an-Nafs* (protecting soul), *Hifz al-Aql* (Protecting intellect), *Hifz an-Nasl* (protecting lineage) and *Hifz al-Mal* (protecting property)

**Keywords:** *Maqasid Syariah, Al-Ghazali, Application, Islamic Law, Indonesia, Taklik Talak*

## ABSTRAK

Tidak boleh dinafikan bahawa Imam al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh pelopor yang melakar kerangka ilmu Maqasid Syariah. Hal ini dibuktikan dengan wujudnya karya Imam al-Ghazali pada abad ke-5 yang berjudul “*al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*” dan “*al-Mankhul min Ta’liqat al-Usul*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana teori Maqasid Syariah menurut Imam al-Ghazali dan bagaimana aplikasinya dalam penyusunan Undang-Undang Islam di Indonesia. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan (*library research*) yang bersumber langsung daripada kitab *al-Mustasfa* dan *al-Mankhul* karya Imam al-Ghazali serta naskah Kompilasi Hukum Islam (KHI) dalam bab perkahwinan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa konsep Maqasid Syariah telah diterapkan pada beberapa perkara pada bab perkahwinan, seperti dalam perkara hukum berkaitan pendaftaran perkahwinan, hukum taklik talak dan perkahwinan hamil. Adapun jenis Maqasid Syariah yang digunakan dalam penentuan hukum-hukum tersebut ialah *Maqsad ad-Daruriyyah* dengan menjaga agama (*hifz ad-din*) menjaga nyawa (*hifz an-nafsi*), menjaga akal (*Hifz al-aql*), menjaga keturunan (*hifz an-nasl*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*).

**Kata kunci:** Maqasid Syariah, Imam al-Ghazali, KHI, Taklik Talak

## Pendahuluan

Sebagai sebuah negara yang memiliki penduduk pelbagai etnik dan agama, Indonesia mengamalkan tiga sistem undang-undang iaitu Undang-Undang Adat, Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Eropah Benua. Meskipun ketiga-tiga sistem hukum ini sudah berjalan secara efektif dan efisien, namun dalam penerapannya, kadang kala menimbulkan percanggahan seperti percanggahan diantara Undang-Undang Eropah Benua dan Undang-Undang Islam. Ekoran perkara tersebut, muncul inisiatif pembentukan Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang merupakan usaha untuk mengisi kekosongan perundungan dalam penyelesaian perkara-perkara Mahkamah Syariah di Indonesia.

Kompilasi Hukum Islam (KHI) dirumuskan dengan menggunakan beberapa metode, salah satunya adalah dengan pendekatan Maqasid Syariah. Maqasid Syariah adalah makna-makna serta hikmah-hikmah yang diperlihatkan oleh Allah SWT dalam semua atau sebahagian besar syariatNya. Setiap ketetapan hukum yang Allah tetapkan dalam syariatNya adalah bertujuan untuk memenuhi kemaslahatan hambaNya, sama ada di dunia maupun di akhirat. Justeru, Maqasid Syariah memiliki kedudukan yang sangat penting dalam Hukum Islam, kerana ia merupakan salah satu acuan atau metode dalam meng-*istinbat* serta merumuskan hukum Islam. Oleh kerana Maqasid Syariah ini merupakan elemen penting, para Ulama Usul Fiqh sepakat menjadikannya sebagai syarat untuk melayakkkan seseorang berijtihad.

Jika ditelusuri dari sejarah perkembangan Maqasid Syariah itu sendiri, ia sebenarnya sudah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun mulai berkembang sehingga menjadi sebuah cabang ilmu bermula pada abad ke-5 yang dibuktikan dengan terbitnya karya-karya Imam al-Ghazali yang berjudul ‘*al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*’ dan ‘*al-Mankhul min Ta’liqat al-Usul*’. Bersandarkan karya-karya tersebut, Ahmad ar-Raysuni menyebutkan bahawa Imam al-Ghazali mempunyai kedudukan yang tinggi dalam perbaasan ilmu Maqasid, bahkan beliau merupakan penanda aras kerangka ilmu Maqasid Syariah secara komprehensif dan sistematis. (Ahmad Raysuni, 1990)

Oleh kerana Imam al-Ghazali adalah penanda aras kerangka ilmu Maqasid Syariah, maka pemahaman yang benar terhadap konsep Maqasid Syariah menurut Imam al-Ghazali adalah perkara yang sangat penting. Justeru, sejauh manakah penerapan konsep tersebut dalam KHI dan adakah penerapannya dalam KHI telah selari dengan konsep Maqasid Syariah menurut Imam al-Ghazali. Maka

berdasarkan latar belakang ini, penulis tertarik untuk mengkaji secara mendalam tentang Maqasid Syariah menurut Imam Al Ghazali dan aplikasinya dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) di Indonesia.

## **Metodologi Kajian**

Jenis kajian ini merupakan kajian kepustakaan (*library research*), iaitu kajian yang menggunakan literatur kepustakaan dengan cara mengkaji buku-buku, kitab-kitab mahupun maklumat penulisan lain yang berkaitan dengan ruang lingkup dalam kajian ini. Sumber primer dalam kajian ini ialah kitab ‘*al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*’ karya Imam al-Ghazali dan naskah Kompilasi Hukum Islam (KHI), iaitu dalam bab perkahwinan.

Adapun kaedah analisa data dalam kajian ini menggunakan dua kaedah. Pertama, kaedah diskripsi iaitu suatu sistem penulisan dengan cara mendeskripsikan realiti yang ada dan dipilih dari persepsi subjek. (Seojono dan Abdurrahman, 1999) Sementara yang kedua adalah kaedah analisa konten iaitu satu kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti, mempelajari, seterusnya melakukan analisis ke atas apa yang diteliti. (Noeng Muhaadjir, 1991)

## **Biografi Ringkas Imam Al-Ghazali**

Nama lengkap Imam al-Ghazali ialah Abu Hamid Ibn Muhammad Ibn Ahmad al-Ghazali. Beliau dilahirkan di Ghazalah sebuah desa kecil yang terletak di pinggir kota Tus wilayah Khurasan di Iran Utara pada tahun 450H (1058M) dan meninggal di kota yang sama pada tahun 1111M / 501H.

Imam Al Ghazali dilahirkan daripada keluarga yang taat beragama dan sangat sederhana. Bapa Imam al-Ghazali ialah seorang pemintal dan penjual bulu kambing. Diantara kisah hidup beliau, pada waktu lapang, bapa Imam al-Ghazali selalu mendatangi tokoh-tokoh agama dan para ahli fiqh di pelbagai majlis untuk mendengarkan nasihat-nasihat mereka. Peribadi dan sifat-sifat bapa imam al-Ghazali ini tidak banyak yang ditulis, kecuali sikap pengabdianya yang mengagumkan terhadap para tokoh agama dan ilmu pengetahuan.

Bapa Imam Al-Ghazali wafat ketika beliau dan saudara kandungnya, Ahmad, masih dalam usia anak-anak. Ketika hampir meninggal, bapanya telah berwasiat kepada salah seorang teman rapatnya daripada kalangan ahli sufi untuk mendidik dan membesarakan kedua-dua anaknya tersebut. (Ahmad Zaini, 2016)

Meskipun Imam al-Ghazali dilahirkan daripada keluarga yang sederhana, namun sejak kecil, beliau dikenali sebagai seorang yang mencintai ilmu pengetahuan. Selain itu, beliau juga memiliki daya ingatan yang kuat dan bijak dalam berhujah sehingga digelar dengan *Hujjatul Islam* kerana kemampuannya dalam kemahiran tersebut. (Ahmad Zaini, 2016) Semasa kecil al-Ghazali belajar fiqh di Tus melalui Ahmad ar-Razikani, selanjutnya setelah usianya beranjak remaja beliau berhijrah ke Kota Jurjan untuk berguru dengan Abu Nasar al-Isma‘ili dan akhirnya ke Naisabur untuk berguru dengan Abu al-Ma‘ali al-Juwaini yang dikenali sebagai Imam al-Haramayn. Bersama-sama imam al-Haramayn, imam al-Ghazali mempelajari ilmu kalam imam al-Ash‘ari sehingga beliau benar-benar menguasainya. Setelah beberapa waktu belajar dengan Imam al-Haramayn, beliau berkunjung ke Mu’askar untuk menemui Nizam al-Mulk, Perdana Menteri Bani Saljuk. Nizam akhirnya mengangkat al-Ghazali sebagai guru di Universiti Nizamiyah di Baghdad. (Syafril M, Tahun 2017)

Pada usia 34 tahun, al-Ghazali tinggal di kota Baghdad dan mengajar di Universiti Nizamiyah. Di kota ini, nama al-Ghazali semakin terkenal dan diraikan serta dilayan dengan penuh hormat. Pada masa inilah al-Ghazali mengalami krisis dalam perjalanan intelektualnya. Beliau mempelajari semua falsafah dan berusaha mencari jawapan atas belenggu keraguan yang mengganggu fikirannya. Kemudian beliau mengalami gangguan saraf sehingga tidak dapat lagi mengajar di Nizamiyah. Imam al-Ghazali berhenti daripada kegiatan mengajar pada tahun 488 H/1095M dalam usia yang masih muda, iaitu 38 tahun. Kemudian beliau meninggalkan Baghdad dengan memberikan alasan hendak berangkat menuaikan ibadah haji ke Tanah Suci. Selepas selesai melaksanakan ibadah haji, beliau pergi ke Syam

dan tinggal di Damsyik. Beliau telah membuka majlis pengajian beliau di ruangan sebelah barat masjid kota itu. Dari situ lah beliau pergi ke Baitul Maqdis untuk beribadah. Diriwayatkan bahawa dari sana, beliau terus pergi ke Mesir dan tinggal beberapa ketika di Iskandariah serta kemudiannya kembali ke Tus untuk menulis karya-karyanya.

## Teori Maqasid Syariah Menurut Imam Al Ghazali

### Definisi Maqasid Syariah

Dari sudut bahasa, Maqasid Syariah terdiri daripada dua perkataan dalam Bahasa Arab iaitu *Maqasid* dan *Shari'ah*. *Maqasid* merupakan kata jamak dari *maqsad* yang berasal dari suku kata *Qasada* yang bererti menghendaki atau memaksudkan, dari itu ia membawa maksud hal-hal yang dikehendaki atau dimaksudkan. Sedangkan *Syariah* pula bermaksud 'المواضع تحدى إلى الماء' atau jalan menuju sumber air dan boleh juga dertikan berjalan menuju sumber kehidupan.

Adapun jika dilihat sudut isltilah para ulama Usul Fiqh ia telah didatangkan dengan beberapa definisi, antaranya:

Menurut Ibnu 'Ashur:

"المعنى والحكم الملحوظ للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة"

"Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Allah (*al-Shari'*) dalam segenap atau sebagian besar pensyariatan, dimana pertimbangan tersebut tidak terbatas dalam perkara tertentu dari hukum syariat" (Ibnu asyur, 2001)

1. Menurut Ala' al-Fasi:

"الغاية منها والأسرار التي وضعها الشارع الحكيم عند كل حكم من أحكامها"

"Tujuan dari pensyariatan dan rahsia-rahsia yang ditetapkan oleh Allah SWT Yang Maha Bijaksana pada setiap hukum-hukumNya" (Ala' al-Fasi, 2007)

2. Menurut Imam al-Ghazali, Maqasid Syariah merupakan sebuah *maslahah*. Sementara *maslahah* didefinisikan sebagai:

"المحافظة على مقصود الشرع، ومقصود الشرع من الخلق خمسة وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقاهم ونسلهم ومالهم فكل ما يتضمن حفظه هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعها مصلحة"

"Menjaga maksud atau tujuan syarak. Terdapat lima tujuan syarak bagi makhluk, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap perkara yang bermaksud untuk menjaga kelima-lima asas ini, merupakan *maslahah*, dan setiap perkara yang mampu memusnahkannya, adalah *mafsadah*, dan menghindari terjadinya *mafsadah* pula, juga merupakan *maslahah*". (al-Ghazali, 1997:174)

Dari definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa Maqasid Syariah merupakan makna-makna atau tujuan-tujuan yang hendak dicapai oleh syarak dalam setiap hukum atau sebagian besar hukumnya, yang mana inti daripada tujuan pensyariatan tersebut adalah untuk merealisasikan kemaslahatan dan menghilangkan kemudaratannya bagi manusia. (Mualimin Mohammad Sahid, 2018)

## Pembahagian Maqasid Syariah

Imam al-Ghazali membahagikan maqasid kepada tiga peringkat, sebagaimana ungkapan beliau dalam kitabnya ‘*Al-Mustasfa*’:

”تنقسم إلى ما هي في رتبة الضرورات وإلى ما هي في رتبة الحاجيات وإلى ما يتعلق بالتحسينيات“

Pada dasarnya *maslahah* terbahagi kepada peringkat *ad-Daruriyyat*, dan *al-Hajiyah* atau *at-Tahsinyyat* (al-Ghazali, 1997: 174)

### a. *Ad-Daruriyyat*

Imam al-Ghazali mendefinisikan *ad-daruriyyat* sebagai:

”ما لا بد منها في قيام مصالح الدين والدنيا بحيث إذا فقدت لم تجري مصالح الدنيا على استقامتها بل على فساد وتهاريج وفوت حياة وفي الأخرى فوت النعيم والرجوع بالخسران المبين“

”Sesuatu yang semestinya dipelihara dalam rangka menjaga kemaslahatan agama dan dunia. Apabila hilang kemaslahatan tersebut maka kemaslahatan dunia turut tidak stabil, malah akan mengalami kerosakan, kesulitan dan hilangnya kehidupan, selanjutnya akan hilanglah kenikmatan dan mendapatkan kerugian yang nyata.” (al-Ghazali, 1997: 174)

Daripada definisi di atas, dapat difahami bahawa *daruriyyat* merupakan *maqsad* yang harus dijaga demi menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan hidup manusia baik di dunia maupun di akhirat, sehingga apabila *maqsad* ini tidak dijaga dengan baik, maka kehidupan manusia dalam pandangan syariat akan menjadi tidak stabil bahkan mengalami kerosakan.

Selanjutnya, Imam al-Ghazali telah membahagikan *Maqasid ad-Daruriyyat* kepada lima perkara, iaitu: (al-Ghazali, 1997: 174)

1. Menjaga agama; seperti diwajibkan berperang dan berjihad kepada orang kafir yang menyesatkan, sebab jika hal ini dibiarkan akan melenyapkan agama.
2. Menjaga nyawa; seperti diwajibkan hukum *qisas*, sebab dengan ketetapan hukum seperti ini, jiwa manusia akan terpelihara.
3. Menjaga akal; seperti diharamkan semua benda yang memabukkan atau mengkhayalkan, seperti narkotik dan sejenisnya.
4. Menjaga keturunan; seperti kewajipan melaksanakan hudud ke atas penzina, mampu memelihara kehormatan, keturunan atau nasab manusia.
5. Menjaga harta; seperti pemotongan tangan untuk para pencuri, dengan ketetapan hukum seperti ini, harta benda akan terpelihara.

### b. *Al-hajiyah*

Imam al-Ghazali mendefinisikan *Hajiyah* sebagai:

لا ضرورة إليه لكنه محتاج إليه في اقتداء المصالح

*al-Hajiyah* adalah sebuah *maslahah* yang tidak wajib, akan tetapi tetap diperlukan dalam rangka menjaga kemaslahatan” (Al-Ghazali, 1997: 175)

Sehingga *maqsad hajiyah* merupakan *maqsad* yang bersifat tidak wajib, kerana ketidaaan *maqsad* ini tidak sampai mempengaruhi kestabilan kehidupan manusia, namun demikian, keperluan ini tetap harus dijaga demi menghilangkan kesukaran dan kesulitan seorang mukallaf dalam mewujudkan kemaslahatan yang diinginkan oleh Syarak.

### c. At-Tahsiniyyat

Imam Al Ghazali mendefinisikan *tahsiniyyat* sebagai:

ما لا يرجع إلى ضرورة ولا حاجة ولكن يقع موقع التحسين والتزكية والتيسير للمزايا والمزاائد ورعاية أحسن المناهج في العادات والمعاملات.

“At-Tahsiniyyat adalah kemaslahatan yang tidak termasuk dalam kategori *darurah* (*daruriyyat*) maupun *hajah* (*hajiyah*), akan tetapi ianya bersifat memperelok, memperindah dan mempermudahkan, demi mencapai keistimewaan dan nilai tambah serta menjaga metode terbaik berkaitan kebiasaan dalam kehidupan dan juga muamalat”. (al-Ghazali, 1997: 169)

Meskipun Imam al-Ghazali membahagikan maqasid kepada *daruriyyat*, *hajiyah* dan *tahsiniyyat*, namun *maqsad* yang boleh dijadikan hujah dalam penetapan hukum Islam adalah *maqsad daruriyyat*. Hal ini sebagaimana ungkapan beliau:

الواقع في الرتبتين الأخرين لا يجوز الحكم بمجرده إن لم يتعضع بشهادة أصل لأنه يجري مجرى وضع الشرع بالرأي.

“Pada realitinya, *maqsad* pada dua tingkatan terakhir (*hajiyah* dan *tahsiniyyat*) tidak diperbolehkan untuk berhukum semata-mata dengannya jika tidak diperkuat dengan dalil tertentu, kerana jika demikian maka ia menetapkan hukum dengan akal atau pendapat”. (al-Ghazali, 1997: 174)

## Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI)

Kompilasi Hukum Islam atau disingkatkan dengan istilah KHI merupakan sebuah pedoman atau rujukan dalam penyelesaian perkara-perkara yang diajukan ke Mahkamah Syariah, yang bersumber kitab-kitab fiqh dari pelbagai mazhab fiqh. Jika diteliti lebih mendalam, didapati bahawa teori Maqasid Syariah dapat dilihat di dalam kandungan KHI, terutamanya yang berkaitan dengan Munakahat atau perkahwinan. Di ntaranya adalah seperti berikut:

### Pendaftaran Perkahwinan

Pendaftaran perkahwinan ialah data administrasi perkahwinan yang ditandatangani oleh Pegawai Pencatat Nikah (PPN) dengan tujuan untuk menjamin ketertiban perkahwinan dalam masyarakat melalui pelaksanaan perkahwinan berdasarkan hukum Islam.

Setiap perkahwinan perlu didaftarkan dan mendapatkan bukti berupa akta nikah agar dapat menjamin ketertiban perkahwinan bagi masyarakat Islam. Dalam Fasal 2 Kompilasi Hukum Islam (KHI) juga menyatakan bahawa unsur pendaftaran perkahwinan harus (wajib) dilaksanakan sesuai dengan peraturan yang berlaku agar mendapatkan perlindungan hukum dan sesuai dengan Fasal 2 ayat (1) Undang-Undang No. 1 Tahun 1974.

Adapun pendaftaran perkahwinan dalam KHI diletakkan pada Fasal 5 dan 6 yang berbunyi sebagai berikut: (Muhammad Nasir, 2016: 44)

1. Fasal 5 ayat (1): Agar terjamin ketertiban perkahwinan bagi masyarakat Islam, maka setiap perkahwinan itu harus dicatat. Dan ayat (2): Pencatatan perkahwinan tersebut pada ayat (1) dilakukan oleh pencatat nikah.

2. Fasal 6 ayat (1) menyatakan bahwa untuk memenuhi ketentuan dalam Fasal 5, setiap perkahwinan harus dilangsungkan dihadapan dan di bawah pengawasan pegawai pencatat nikah. Dan ayat (2) menyatakan bahwa Perkahwinan yang dilakukan diluar pengawasan pegawai pencatat nikah tidak mempunyai kekuatan hukum.

Berdasarkan dua fasal di atas, dapat disimpulkan bahawa tujuan pendaftaran perkahwinan adalah untuk menjamin pelaksanaan perkahwinan dengan tertib dan perkahwinan yang dilaksanakan memiliki kekuatan hukum. Kedua-dua hal tersebut sangat diperlukan sama ada untuk pihak yang melangsungkan perkahwinan dan yang berkepentingan daripada perkahwinan tersebut, mahupun bagi pihak pemerintah dengan tujuan menjaga kestabilan masyarakat dan mewujudkan kesejahteraan di antara mereka.

Kepentingan pendaftaran perkahwinan menurut KHI di antaranya adalah sebagai bukti pelaksanaan perkahwinan, seperti yang diperuntukan dalam Fasal 7 yang menyatakan bahawa perkahwinan hanya dapat dibuktikan dengan Akta Nikah yang dibuat oleh Pegawai Pencatat Nikah dan dalam hal perkahwinan tidak dapat dibuktikan dengan akad nikah, ia dapat diajukan isbat nikahnya ke Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah). (Pagar, 2010: 171)

Pendaftaran Nikah bertujuan untuk mewujudkan ketertiban pernikahan dalam masyarakat. Ini merupakan suatu usaha yang termaktub dalam undang-undang untuk melindungi martabat dan kesucian pernikahan, khususnya bagi perempuan dalam kehidupan rumah tangga. Justeru, jika terjadi perselisihan diantara suami isteri, maka salah seorang di antara mereka dapat bertindak melalui undang-undang dalam mempertahankan atau memperoleh hak masing-masing melalui pendaftaran nikah yang dibuktikan oleh akta. (Ahmad Rofiq, 2003:108)

Jika ditinjau dari perspektif Maqasid Syariah, pendaftaran perkahwinan pada dasarnya adalah sebagai usaha menjaga *maqsad daruriyyat* iaitu sesuatu yang harus dijaga dengan tujuan menjaga kemaslahatan sama ada di dunia mahupun akhirat. Jika hilang kemaslahatan tersebut, maka kemaslahatan dunia tidak akan berjalan sebagaimana mestinya bahkan akan mengalami kerosakan, kesulitan dan hilangnya kehidupan.

Adapun jenis *maqsad daruriyyat* yang dijaga dalam hukum pendaftaran perkahwinan adalah sebagai berikut:

1. *Hifz an-Nasl* (Menjaga Keturunan). Meskipun pernikahan yang dilaksanakan telah memenuhi rukun dan syarat pernikahan dalam syariat Islam, namun jika pernikahan tersebut tidak berdaftar, maka perkahwinan tersebut tidak memiliki kekuatan hukum bahkan dianggap tidak sah menurut undang-undang yang ada. Jika ini berlaku, ia akan memberi kesan terhadap status anak yang dilahirkan dari perkahwinan tersebut yang mana hanya memiliki hubungan perundangan sivil kepada ibunya. Dengan kata lain, anak tersebut tidak dapat dinasabkan kepada ayah kandungnya. (Khairil Anwar, 2019)

Dengan demikian, pendaftaran perkahwinan sangat perlu dilakukan bagi menjaga *Maqsad Hifz an-Nasl* atau menjaga keturunan. Ini selari dengan apa yang disampaikan Nabi SAW:  
الولد للفراش، وللعاهر الحجر" (متقد عليه)

Ertinya: Nabi SAW bersabda: anak adalah pemilik *firash* atau tempat tidur, dan bagi pezina adalah batu. (*Muttafaq Alayh*)

Menurut ulama hadis bahawa kata *firash* dalam hadis ini merupakan kiasan dari pemilik tempat tidur iaitu suami yang sah. Ia bermaksud apabila seorang isteri melahirkan seorang anak hasil dari perkahwinan yang sah, maka anak tersebut harus dinasabkan kepada suaminya yang sah tersebut.

2. *Hifz al-Mal* (Menjaga Harta). Pendaftaran perkahwinan merupakan bentuk perlindungan terhadap isteri mahupun anak dalam memperoleh hak-hak dalam keluarga, di antaranya adalah hak-hak kewangan seperti nafkah dan harta warisan. Dengan demikian, tanpa adanya akta (sijil) nikah, maka hak-hak seorang isteri atau anak dalam memperoleh hak-haknya dalam keluarga dapat diragukan bahkan boleh hilang di sisi undang-undang. Oleh itu, pendaftaran perkahwinan sangat diperlukan sebagai usaha untuk menjaga harta sama ada anak mahupun suami. Ini kerana kewajipan seorang suami terhadap anak dan isterinya adalah memberikan nafkah mereka sebagaimana firman Allah SWT:

وعلی المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف

Maksudnya: Dan kewajiban ayah menanggung nafkah dan pakaian mereka dengan cara yang ma'ruf atau patut (Surah al-Baqarah: 33)

## Taklik Talak

*Taklik talak* berasal dari dua suku kata, iaitu kata *taklik* dan *talak*. Secara bahasa, *taklik* berasal dari Bahasa Arab iaitu bentuk *masdar* dari kata *'allaqa, yua<sup>c</sup>liqu, ta<sup>c</sup>liqan* yang bermakna menggantungkan sesuatu dengan suatu atau menjadikannya tergantung dengan sesuatu. Adapun *talak* juga berasal dari Bahasa Arab yang bererti meninggalkan, memisahkan, melepaskan ikatan. Para ulama memberikan definisi talak secara bahasa iaitu: “melepaskan dari ikatan semisalnya”. (Sofyan Yusuf, Moh. Toriqul Chaer, 2017., h. 267)

Dari segi istilah, *taklik talak* bermaksud menggantungkan jatuhnya talak atas sesuatu perkara tertentu, iaitu jika berlaku sesuatu yang ditentukan maka talak akan jatuh. Sebagai contoh, suami berkata kepada isterinya, “Engkau tertalak bila saya tidak memberimu belanja dalam masa tiga bulan.” Maka apabila dalam waktu tiga bulan suami tidak memberi nafkah kepada isterinya, maka jatuhlah talak suami. (Mujid dan Mabruru, 1994: 366)

Sedangkan dalam Fasal (1) sub (e) Kompilasi Hukum Islam (KHI) No. 1 tahun 1991 menyebutkan bahawa *taklik talak* ialah perjanjian yang diucapkan calon pengantin lelaki setelah akad nikah yang dicantumkan dalam akta buku nikah berupa janji talak yang digantungkan kepada sesuatu keadaan tertentu yang memungkinkan terjadi yang akan datang. (Hibnu Nugroho, 2019: 80)

Berdasarkan teori hukum di Indonesia, *taklik talak* ialah satu bentuk ikrar yang dengannya suami menggantungkan terjadinya suatu talak atas isterinya apabila dikemudian hari isteri melanggar salah satu atau semua yang telah diikrarkan tersebut. (Kamal Muchtar, 1993), h. 227). Dari penjelasan ini, dapat disimpulkan bahawa *taklik talak* bermaksud ucapan yang diikrarkan oleh suami kepada isterinya yang dikaitkan dengan sesuatu sebagai syaratnya.

Dalam peruntukan Kompilasi Hukum Islam (KHI), *taklik talak* termaktub dalam Bab VII Fasal 45 dan 46 yang menyatakan seperti berikut: (Mahkamah Agung, 2015:30)

1. Fasal 45 ayat (1) Kedua calon mempelai dapat mengadakan perjanjian perkahwinan dalam bentuk: Taklik talak, dan perjanjian lain yang tidak boleh bercanggah dengan hukum islam (Syarak).
2. Fasal 46 ayat (1): Isi taklik talak tidak boleh bercanggah dengan hukum islam (Syarak). Ayat (2) Apabila keadaan yang diisyaratkan dalam taklik talak betul-betul terjadi kemudian tidak dengan sendirinya talak jatuh. Supaya talak sungguh jatuh, isteri harus mengajukan persoalannya ke Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah). Dan ayat (3) Perjanjian taklik talak bukan suatu perjanjian yang wajib diadakan pada setiap perkahwinan, akan tetapi sekali taklik talak diperjanjikan, ia tidak dapat dicabut kembali.

Jika ditinjau dari perspektif Maqasid Syariah, *taklik talak* pada hakikatnya adalah satu upaya untuk menjaga *maqsad ad-daruriyyat*. Adapun jenis *maqsad ad-daruriyyat* yang dijaga dalam hukum taklik talak adalah sebagai berikut:

1. *Hifz an-Nafs* atau menjaga nyawa: Jika dilihat dari *sighah* atau lafaz taklik talak, salah satu unsur berlakunya *taklik talak* adalah ketika suami menyakiti atau mencederai isteri. Justeru, taklik talak dalam keadaan seperti ini menjadi salah satu usaha untuk menjaga jiwa atau nyawa sang isteri dari prilaku semena-mena sang suami yang bercanggah dengan perintah syariat islam seperti firman Allah SWT:

وَاعْشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: Pergauliah mereka dengan baik (Surah an-Nisa': 19 )

Disebut dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW mengajarkan kepada para suami tentang bagaimana memperlakukan seorang isteri, seperti dalam sabda Nabi SAW:

اَسْتُوْصُوا بِالنِّسَاءِ ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ حُلْقَتْ مِنْ ضَلَّعٍ ، وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَّاعِ أَعْلَاهُ ، فَإِنْ دَهَبَتْ تُقْيِيمُ كَسْرَتَهُ ، وَإِنْ تَرَكْتُهُ لَمْ يَزُلْ أَعْوَجَ ، فَأَسْتُوْصُوا بِالنِّسَاءِ (صحیح البخاری ومسلم)

Maksudnya: Berbuat baiklah kepada para wanita, kerana wanita diciptakan dari tulang rusuk. Tulang rusuk itu bagian atasnya adalah bengkok. Jika engkau mencoba untuk meluruskannya dengan kasar, maka engkau akan mematahkaninya. Jika engkau membiarkannya, maka tetap saja tulang itu akan bengkok. Berbuat baiklah kepada wanita” (HR Bukhari no. 3331, Muslim no. 1486)

2. *Hifz al-mal* atau menjaga harta: Tujuan dari sebuah pernikah tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membentuk keluarga yang *sakinah mawaddah wa rahmah*. Sebuah pernikahan yang sah sama ada di sisi hukum agama (hukum Syarak) mahupun undang-undang negara memiliki kesan. Diantaranya adalah kewajiban memberikan nafkah dan hak harta warisan. Dengan disyaratkannya *taklik talak* dalam sebuah pernikahan maka ia memberikan perlindungan hukum kepada anak dan isteri khususnya dalam hal pemberian nafkah. Ini selari dengan firman allah SWT:

لِيُنْفَقُ دُونَ سَعَةٍ مِنْ سَعْتِهِ وَمُنْفَرَرٌ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَيُنْفِقْ مِمَّا أَنْهَا اللَّهُ لَا يُكَافِلُهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا

Maksudnya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan (sekedar)apa yang Allah berikan kepadanya. (Surah at-Talaq: ayat 7)

## Perkahwinan Hamil

Perkahwinan hamil adalah sebuah akad pernikahan yang dilakukan oleh seorang wanita pada saat ia sedang dalam keadaan hamil sebagai akibat dari telah berlakunya hubungan kelamin diantara dirinya dengan seorang lelaki, dimana hubungan kelamin tersebut dilakukan di luar ikatan sebuah akad pernikahan, sama ada dengan cara berzina mahupun dirogol.

Ada beberapa sebab yang mendorong berlakunya perkahwinan wanita hamil sama ada disebabkan berzina mahupun dirogol. Diantaranya adalah: untuk menutup aib keluarga, sama ada keluarga laki-laki, apatah lagi bagi keluarga perempuan. Ini kerana hamil di luar nikah adalah merupakan sesuatu yang tabu dan aib bagi masyarakat yang menjunjung tinggi nilai agama islam dan adat istiadat, sehingga perkahwinan dijadikan sebagai jalan keluar yang tepat untuk menutup aib tersebut, yang dengannya akan terjagalah nama baik ibu dan keluarganya.

Adapun dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI), perkahwinan hamil di luar nikah secara khusus diatur dalam Pasal 53. Pasal tersebut menjelaskan tentang bolehnya melangsungkan perkahwinan bagi wanita hamil di luar nikah. Meskipun demikian, ada ketentuan yang harus dipenuhi dalam perkahwinan tersebut, diantaranya adalah seperti Berikut:

- a. Seorang wanita hamil di luar nikah boleh dikahwinkan dengan pria yang menghamilinya.
- b. Perkahwinan dengan wanita hamil yang disebut pada ayat (1) dapat dilangsungkan tanpa menunggu lebih dahulu kelahiran anaknya.
- c. Dengan dilangsungkannya perkahwinan pada saat wanita hamil, tidak diperlukan perkahwinan ulang setelah anak yang dikandung lahir.

Jika ditinjau dari perspektif Maqasid Syariah pula, bolehnya perkahwinan hamil adalah sebagai upaya menjaga *Maqsad Dharuriyat*. Adapun jenis *Maqsad Dharuriyat* yang dijaga dalam perkahwinan hamil ini adalah seperti berikut:

1. *Hifzud Din* atau menjaga Agama: Dibolehkan perkahwinan hamil sebagaimana diatur dalam Pasal 53 dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) pada hakikanya adalah untuk menjaga agama. Ini kerana dengan dibolehkannya perkahwinan hamil, pasangan tersebut berhenti melakukan zina, seterusnya melangsungkan pernikahan untuk memulakan kehidupan yang baharu dalam ikatan perkahwinan yang sah sehingga sempurnalah sebagian atau separuh imannya. Sebagai mana sabda Nabi SWA:

مَنْ تَرَوْجَ فَقَدِ اسْتَكْمَلَ نِصْفُ الْإِيمَانِ فَلَيْتَ اللَّهَ فِي النِّصْفِ أُبَاقِي (رواه الطبراني في المعجم الأوسط):  
(335/8)

Maksudnya: “Barangiapa menikah maka dia telah menyempurnakan separuh iman, karena itu hendaklah dia bertaqwah kepada Allah pada separuh sisanya” (HR. Thabrani: 8/335)

Namun demikian, kebolehan perkahwinan hamil ini belum sepenuhnya mampu memberikan pemeliharaan terhadap agama secara sepenuhnya. Ini kerana dengan dibolehkannya perkahwinan hamil, dapat membuka jalan aktiviti perzinaan yang dianggap boleh secara hukum (legal). Justeru, salah satu upaya yang perlu dilakukan sebagai upaya mencegah perkara ini terjadi adalah dengan memberikan hukuman terhadap pasangan zina atas perbuatannya tersebut. Pemberian hukuman ini diharapkan mampu memberikan kesan takut dan jera kepada pelaku, sekaligus memberikan pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan pelanggaran serupa di masa yang akan datang.

2. *Hifzul Nafs* atau menjaga nyawa: Tidak dinafikan bahawa seorang wanita hamil di luar nikah akan dihantui oleh perasaan bersalah, ketakutan yang luar biasa, kecemasan dan kegelisahan melampau. Jika kondisi seperti ini dibiarkan terus menerus dan tidak segera ditangani dengan dilangsungkannya pernikahan dengan laki-laki yang menghamilinya, ia dikuatirinya yang menimbulkan situasi yang lebih buruk akan terjadi, seperti bunuh diri dan menggugurkan kandungan (aborsi) yang jelas diharamkan dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT berikut:

وَلَا تُلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى النَّهَاكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“Janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik” (al Baqarah: 195)

3. *Hifzul al-aql* atau Menjaga akal: Kehamilan seorang wanita disebabkan perzinaan mahupun kerana dirogol dalam satu kehamilan yang tidak diinginkan. Sehingga

pada situasi ini, wanita sangat terdedah dengan tekanan psikologi. Jika tekanan psikologi yang sedemikian dibiarkan, tidak menutup kemungkinan memberikan kesan terhadap kesihatan akalnya. Sehingga dengan dibolehkannya perkahwinan hamil dengan sendirinya akan menyelamatkan akalnya.

## Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Imam al-Ghazali mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai sebuah *maslahah* yang menurut beliau didefinisikan sebagai:  
“ Menjaga maksud atau tujuan syarak. Terdapat lima tujuan syarak bagi makhluk, iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap perkara yang bertujuan untuk menjaga kelima-lima asas ini, merupakan *maslahah*, dan setiap perkara yang mampu memusnahkannya, adalah *mafsadah*, dan menghindari terjadinya *mafsadah* pula, juga merupakan *maslahah*”.
2. Imam al-Ghazali membahagikan Maqasid Syariah kepada tiga peringkat seperti yang disebut dalam kitabnya ‘*al-Mustasfa*’. Pertama: *ad-Daruriyyat*, iaitu sesuatu yang wajib dipelihara untuk menjaga kemaslahatan agama dan dunia. Apabila hilang kemaslahatan tersebut maka kemaslahatan dunia tidak akan stabil, malah akan mengalami kerosakan, kesulitan dan hilangnya kehidupan, seterusnya akan hilanglah kenikmatan dan mendapatkan kerugian yang nyata. *Maqasid ad-daruriyyat* ini merangkumi lima perkara: menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kedua: *al-Hajiyah*, iaitu sebuah *maslahah* yang tidak bertaraf *darurah* akan tetapi tetap diperlukan dalam rangka menjaga kemaslahatan. Ketiga: *At-Tahsiniyyat*, iaitu kemaslahatan yang tidak termasuk dalam kategori *darurah* atau *hajiyah*, akan tetapi kemaslahatan ini bersifat sebagai mempercantik, memperindah, mempermudah dan untuk menjaga kebiasaan serta muamalat melalui cara yang terbaik.
3. Pendaftaran perkahwinan dalam Kompilasi Hukum Islam pada dasarnya adalah sebagai usaha menjaga *maqsad ad-daruriyyat*, iaitu *Hifz an-Nasl* (Menjaga Keturunan) dan *Hifz Mal* (Menjaga Harta). Adapun *taklik talak* dalam Kompilasi Hukum Islam jika ditinjau dari perspektif Maqasid Syariah, adalah usaha untuk menjaga *maqsad ad-daruriyyat*, iaitu *Hifz an-Nafs* atau menjaga nyawa dan *Hifz Mal* atau menjaga harta. Sedangkan perkahwinan hamil dari perspektif Maqasid Syariah pula adalah satu usaha untuk menjaga *maqsad ad-daruriyyat*, iaitu *hifz ad-din* (menjaga agama), *Hifz an-Nafs* (menjaga nyawa) dan *Hifz al-aql* (menjaga akal)

## Rujukan

- Ahmad, Q. (1997). *Ushul Fikih 2*. Cet. 2. pp. 170. Jakarta: PT. Nimas Multima.
- Ahmad, R. (2003). *Hukum Islam di Indonesia*. Edisi Revisi. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Al-Fasi. A. (2007). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Tab'ah: 1. Morocco: Dar al-Gharbi al-Islami.
- Al-Ghazali, A. H. (1997/1418H). *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. tahq. al-Ashqar, Muhammad Sulayman.. Bayrut: Al-Risalah,
- Ali, Z. (2006). *Hukum Perdata Islam di Indonesia*. Jakarta: Sinar Grafika.
- Al-Raysuni, A. (1990). *al-Bahth fi Maqasid al-Shari'ah: Nash`atuhu wa Tatawwuruhu wa Mustaqbaluhu*. Egypt: Dar al-Kutub,
- Anwar, K. & Ikamulia, S. (2019). *Perkara Izin Poligami Di Pengadilan Agama Bengkalis, (Analisis Terhadap Putusan Hakim Nomor: 0307/Pdt. G/2017/PA. Bkls)*. JURIS (Jurnal Ilmiah Syariah), 18(2).
- Ashur, M.T. (2001). *Maqasid ash-Shari'ah al-Islamiyyah*. Damaskus: Dar al kolam
- Fazlur, R. (1994). *Islam dan Modernitas Tentang Transformasi Intelektual*, terj. Ahsin Muhammad. Bandung: Pustaka Islam.

- Hibnu, N. (n.d). *Kedudukan Taklik Talak Menurut Hukum Fikih dan Kompilasi Hukum Islam*. Al-Bayyinah Jurnal of Islamic Law, Vol. VII, No. 11.
- Iqbal, M & Nasution, A.H. (2013). *Pemikiran Politik Islam; Dari Masa Klasik Hingga Indonesia Kontemporer*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Kamal, M. (1993). *Asas-asas Hukum Islam Tentang Perkahwinan*. Jakarta: PT Bulan Bintang.
- Khamidyah, N & Hertina. (2020). *Itsbat Nikah Pada Pernikahan Sirri Dalam Kompilasi Hukum Islam Menurut Maqasid As-Syari'ah*. Jurnal Indonesian Comparative of Sharia Law, Vol. 3, No. 1.
- KHI. (1974). *Undang-Undang No. 1, Tahun 1974, Tentang Perkahwinan*, Kompilasi Hukum Islam.
- Mahkamah Agung. (2015). *Kompilasi Hukum Islam*. Jakarta: Direktorat Badan Peradilan Agama.
- Muhaadjir, N. (1991). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Mujid & Mabruru. (1994). *Kamus Istilah Fiqh*. Jakarta: PT. Pustaka Firdaus.
- Nasir, M. (2016). *Maqashid al-Syari'ah Dalam Pencatatan Perkahwinan di Indonesia*. Jurnal AT-TAFKIR, Vol. IX, No. 1.
- Pagar. (2010). *Himpunan Peraturan Perundang-Undangan Peradilan Agama di Indonesia*. Medan: Perdana Publishing.
- Sahid, M.M. (2018). *Muzakkirah Fi Maqasid Syariah* (1st ed.) pp.30. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Sastroatmodjo, A & Aulawi, A. (1978). *Hukum Perkahwinan Indonesia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Seojono & Abdurrahman. (1999). *Metode Penelitian (Suatu Pengantar dan Penerapan)*. Jakarta: Rieneka Cipta.
- Sudirman, M.S. (2012). *Taklik Talak dalam Perspektif Fiqh dan Kompilasi Hukum Islam - Analisis Perbandingan*. Jurnal Hukum Diktum, 10 (2).
- Syafril, M. (2017). *Pemikiran Sufistik: Mengenal Biografi Intelektual Imam al-Ghazali*. Jurnal Syahadah, Vol. V, No. 2.
- Toha, M. (t.t.). *Pencatatan Pernikahan; Analisis dengan Pendekatan Qiyas, Istihsan, Sadd al-Dzari'ah, Maslahah Mursalah dan Hukum Positif di Indonesia*. Jurnal Tanpa Judul.
- Yusuf, S & Chaer, M.T. (2017). *Taklik Talak Perspektif Ulama Mazhab dan Pengaruhnya dalam Berumah Tangga*. Jurnal 'Anil Islam Vol. 10, No. 2.
- Zaini, Ahmad. (2016). "Pemikiran Tasawuf Imam Al-Ghazali", dalam Jurnal Akhlak dan TaSAWuf, Vol. 2, No. 1.